

25 JUL 2001

ABDULLAH BADAWI AKAN LANCAR PECAH TANAH KILANG DRB-ORIENTAL HONDA

MELAKA, 25 Julai (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan melancarkan upacara pecah tanah kilang DRB-Oriental Honda Sdn Bhd di Pegoh, Alor Gajah pada 25 Ogos ini.

Ketua Menteri Datuk Wira Mohd Ali Rustam berkata Abdullah akan mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada upacara itu.

"Saya harapkan kilang berkenaan memberi faedah kepada penduduk di sekitarnya dan menjadi pemangkin ekonomi di kawasan berkenaan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco di Seri Negeri, Air Keroh di sini, hari ini.

Kapasiti pengeluaran kilang baru itu, yang bernilai RM170 juta, adalah sebanyak 20,000 unit setahun. Pengeluaran pertamanya dijangka pada 2003.

Mohd Ali berkata kereta-kereta yang akan dikeluarkan di kilang itu untuk pasaran tempatan ialah model Honda City, Civic, Accord dan CRV termasuk alat ganti, aksesori dan komponen.

Kereta dan alat ganti serta aksesori itu juga akan dieksport ke negara-negara ASEAN termasuk Thailand, Indonesia dan Filipina.

Setakat ini, kerja-kerja tanah kilang berkenaan telah siap hampir tujuh peratus.

-- BERNAMA

SBS NAK